

Perubahan Kurikulum Dalam Kolej Vokasional: Kesan Dan Cadangan Penambahbaikan Untuk Pelaksanaan Berkesan

Curriculum Changes in Vocational Colleges: Effects and Improvement Suggestions for Effective Implementation

Siti Nur Haslinda Md Saleh^{1*}, Khairul Azhar Jamaluddin¹, Isa Hamzah¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
*snhaslinda@yahoo.com

Copyright©2023 by authors, all rights reserved. Authors agree that this article remains permanently open access under the terms of the Creative Commons Attribution License 4.0 International License

Received: 15 March 2023; Revised: 20 April 2023; Accepted: 15 May 2023; Published: 30 June 2023

Abstract: Kurikulum berasaskan industri dalam konteks kolej vokasional sentiasa menghadapi perubahan bagi menepati keperluan industri semasa. Proses perubahan ini tidak dinafikan memberikan kesan yang positif kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Namun, proses ini juga menimbulkan cabaran dalam pelaksanaan, terutamanya dalam kalangan pensyarah. Justeru, kertas ini membincangkan perubahan kurikulum dalam konteks Kolej Vokasional dengan memberi fokus kepada kesan dan cadangan penambahbaikan terhadap amalan pelaksanaan kurikulum yang berkesan. Ringkasnya, tahap kesediaan pensyarah dalam menghadapi perubahan kurikulum menjadi persoalan dan kemampuan kolej vokasional sebagai pusat pengajian dalam menghadapi perubahan juga menjadi satu cabaran besar terhadap pelaksanaan kurikulum berkesan. Selain itu, beban tugas pensyarah bertambah dengan tugas menguruskan pengakreditasi dan pengiktirafan badan professional. Tambahan pula, tahap kemahiran pensyarah masih berada di tahap sederhana iaitu sekurang-kurangnya tahap tiga Sijil Kemahiran Malaysia. Antara kelebihan perubahan kurikulum KV ialah pembangunan kurikulum yang terkini mengikut kemajuan industri dan graduan yang dihasilkan KV juga mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang terkini mengikut kehendak industri. Selain itu, pensyarah KV juga sentiasa dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan selaras dengan perubahan kurikulum. Walau bagaimanapun, terdapat juga kelemahan hasil perubahan kurikulum iaitu apabila melibatkan kumpulan rentan yang menolak perubahan, di mana pensyarah akan berasa tertekan dengan perubahan yang terlalu kerap. Oleh itu beberapa strategi dicadangkan bagi menambah baik kesan perubahan kurikulum seperti mewujudkan perjawatan khas bagi pengurusan pengakreditasi dan mengatur semula pembahagian tugas pensyarah KV agar pensyarah dapat menghadapi sebarang perubahan dengan berkesan. Secara kesimpulannya, perubahan kurikulum akan memberi kesan positif dan negatif kepada semua pihak terutamanya pensyarah sebagai ejen pelaksana perubahan.

Keywords: *Kurikulum berasaskan industri, kolej vokasional, perubahan kurikulum, kesan, penambahbaikan.*

Abstract: *Industry-based curriculum in the context of vocational colleges is constantly changing to meet current industry needs. This process of change undoubtedly has a positive effect on the implementation of effective teaching and learning. However, this process also poses challenges in implementation, especially among lecturers. Therefore, this paper discusses curriculum changes in the context of Vocational Colleges by focusing on the effects and suggestions for improvement on effective curriculum implementation practices. In short, the level of readiness of*

Corresponding Author: Siti Nur Haslinda Md Saleh, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Phone: 0172372572

lecturers in facing curriculum changes becomes a question and the ability of vocational colleges as study centers to face changes also becomes a big challenge to effective curriculum implementation. In addition, the workload of lecturers increases with the task of managing accreditation and recognition of professional bodies. Furthermore, the lecturer's skill level is still at a moderate level which is at least level three of the Malaysian Skills Certificate. Among the advantages of KV curriculum changes is the development of the latest curriculum according to industry progress and the graduates produced by KV also have the latest knowledge and skills according to industry requirements. In addition, KV lecturers are also always able to improve their skills and knowledge in line with curriculum changes. However, there is also a weakness in the result of curriculum change, which is when it involves vulnerable groups who resist change, where lecturers will feel pressured by changes that are too frequent. Therefore, several strategies are proposed to improve the effect of curriculum changes such as creating special staff for accreditation management and rearranging the division of KV lecturers' duties so that lecturers can face any changes effectively. In conclusion, curriculum changes will have positive and negative effects on all parties, especially lecturers as change agents.

Keywords: Industry-based curriculum, vocational college, curriculum change, impact, improvement.

1. Pendahuluan

Agenda pendidikan latihan teknik dan vokasional atau turut dikenali sebagai *Technical Vocational Education and Training* (TVET) sedang rancak direalisasikan bukan sahaja dalam negara malah secara global. Malah ia menjadi keutamaan selepas Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan atau OECD (*The Organisation for Economic Co-operation and Development*) telah memberi cadangan kepada kerajaan Malaysia agar mengubah lanskap sistem pendidikan negara dengan mengutamakan pendidikan vokasional bagi menangani isu kekurangan pekerja mahir [1]. Malaysia, pada tahun 2011 telah pun memperkenalkan dasar baharu iaitu Transformasi Pendidikan Vokasional bagi meningkatkan kualiti pendidikan TVET dalam Rancangan Malaysia kesepuluh sejajar dengan Model Ekonomi Baru [2].

Transformasi Pendidikan Vokasional telah membawa perubahan dalam dunia TVET negara apabila menaiktaraf sekolah aliran teknik dan vokasional kepada kolej vokasional (KV) [3] dan menjadi institusi pendidikan yang mengutamakan kemahiran berasaskan industri. Menurut Alias dan Ismail [2], penjenamaan semula sekolah vokasional kepada kolej vokasional adalah bagi mengubah persepsi masyarakat terhadap pendidikan vokasional. Oleh yang demikian perubahan dasar ini membawa kepada perubahan kurikulum bagi kolej vokasional berfungsi sebagai institusi kemahiran yang melatih bakal pekerja bagi memajukan industri dalam dan luar negara. Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) dibangunkan untuk melahirkan tenaga kerja mahir yang mampu menembusi pasaran pekerjaan dan mampu meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi serta berkebolehan menjadi usahawan [2].

KSKV yang dibangunkan dengan berasaskan industri perlu seiring dengan kepesatan pembangunan industri bagi memastikan graduan kolej vokasional yang dihasilkan bertepatan dengan kehendak industri. Pandangan ini

disokong oleh Ahmad, Jalani dan Hasmori [4] yang menyatakan bahawa kurikulum yang berkonsepkan industri harus diterapkan berbanding kurikulum yang bercirikan peperiksaan. Oleh itu, pergerakan perubahan kurikulum adalah dijangkakan lebih kerap kerana keperluan industri yang semakin pesat bagi menghasilkan tenaga kerja mahir. Azhar [3] dalam kajiannya menyatakan perubahan yang paling jelas dalam proses menaik taraf kolej vokasional adalah struktur kurikulum yang digubal semula agar bersesuaian dengan matlamat menghasilkan pekerja berkemahiran tinggi. Apatah lagi dalam negara mengejar kepesatan revolusi industri 4.0, institusi pendidikan kemahiran seperti kolej vokasional perlu sentiasa proaktif dalam memastikan perubahan keperluan industri dapat dimasukkan ke dalam kurikulum kolej vokasional. Menurut Syahriza et.al [5], kurikulum kolej vokasional perlu dipastikan relevan dengan kehendak industri semasa supaya matlamat dan objektif pelaksanaan kolej vokasional tercapai

2. Isu dan Masalah dalam Perubahan Kurikulum KV

Memandangkan kurikulum kolej vokasional berdasarkan industri, kepesatan industri akan mempengaruhi kandungan kurikulum tersebut. Oleh itu semakan dan pemurnian kurikulum sentiasa dijalankan bagi memastikan kandungan kurikulum yang menepati kehendak industri. Sehubungan dengan itu, para pensyarah perlu bersedia dengan perubahan kandungan, tatacara dan garis panduan yang terkini. Menurut Yusof et.al [6], para pensyarah juga diminta bersedia dengan pengetahuan dan kemahiran teknikal supaya sejajar dengan kehendak KSKV. Proses semakan dan pemurnian kurikulum yang dijalankan di kolej vokasional adalah dalam tempoh 3-5 tahun sekali, oleh itu pensyarah-pensyarah juga perlu sentiasa peka dengan perubahan-perubahan ini. Hal ini menurut Yusof et.al [6] menjadi isu apabila KSKV sentiasa diperbaharui bagi mengikut standard yang telah ditetapkan oleh *National Occupational Skills Standard* (NOSS) yang dibangunkan oleh Jabatan Pembangunan kemahiran (JPK).

Apabila industri dijadikan asas pembangunan

kurikulum kolej vokasional, adalah amat penting untuk kolej vokasional mempunyai bahan, peralatan dan fasiliti yang terkini dan seiring dengan penggunaan di industri. Jika perubahan dari segi bahan, peralatan dan fasiliti berlaku di industri, kolej vokasional juga perlu melalui perubahan tersebut. Jamaludin [7] menyatakan bahawa pensyarah-pensyarah kolej vokasional menghadapi kesulitan dalam pengajaran mereka kerana KSKV sentiasa berubah bagi mengikut arus perubahan teknologi terkini. Selain itu, perubahan teknologi ini menyebabkan kemahiran sedia ada pensyarah tidak dapat dipraktikkan dan pensyarah perlu mendapatkan kemahiran yang baru seiring dengan perubahan teknologi yang mana ia melibatkan kos yang tinggi dan penyesuaian dengan cara kerja yang baru [8].

Selain perlu berdasarkan industri, kurikulum kolej vokasional juga perlu mematuhi kepada keperluan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan juga memerlukan pengiktirafan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Akreditasi dan pengiktirafan dari badan serta agensi yang diiktiraf dalam dan luar negara adalah perlu supaya graduan kolej vokasional mendapat persijilan yang diiktiraf. Akan tetapi menurut kajian oleh Tien, Hamid dan Madar [9] dengan pengakreditasi dan pengiktirafan ini menyebabkan perubahan kepada kurikulum serta memberikan kesan kepada kurangnya kualiti pengajaran para pensyarah disebabkan penambahan tugas sampingan. Menurut Raof et.al [10], tahap kesediaan pensyarah KV dalam melaksanakan pendekatan *Outcome-based Education* (OBE) yang dituntut oleh MQA masih berada di tahap sederhana akan tetapi penyampaian kurikulum yang sering berubah ini masih perlu disampaikan dengan berkesan.

Bagi melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi, pensyarah sebagai tenaga pengajar perlu mempunyai kemahiran yang tinggi serta diiktiraf. Namun, tahap pengetahuan dan kemahiran pensyarah dalam bidang vokasional masih di tahap rendah, sekurang-kurangnya Sijil Kemahiran Tahap Tiga. Bagi mematuhi pengakreditasi MQA, pensyarah dikehendaki mempunyai Sijil Kemahiran Tahap Lima untuk mengajar pelajar Diploma Kolej Vokasional tahun satu dan dua (11). Nasir [12] bersetuju bahawa antara cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan KSKV adalah kekurangan tenaga pengajar yang berkelayakan.

Pelaksanaan KSKV Sijil Vokasional Malaysia yang berasaskan NOSS dan KSKV Diploma Vokasional Malaysia yang mematuhi MQA atau MBOT adalah menggunakan mata jam kredit. Menurut Arshad dan Mustapha [13], komposisi KSKV adalah sebanyak 30 peratus akademik manakala 70 peratus adalah amali teknikal atau vokasional menyebabkan pengaturan jadual waktu pengajaran dan pembelajaran adalah lebih panjang di mana waktu yang diperuntukkan adalah dari jam 8 pagi sehingga jam 5 petang. Kenyataan ini selari dengan dapatan kajian oleh Abd Samad et.al [14] yang menyatakan dengan memasukkan kurikulum berasaskan kerja seperti yang dilaksanakan dalam kolej

vokasional menambahkan peruntukan waktu belajar.

3. Kelebihan Perubahan Kurikulum KV

Perubahan menurut Fullan [15], perubahan pada dasar pendidikan memerlukan tiga aspek ini bagi mencapai matlamat iaitu, sumber pengajaran baharu, pendekatan mengajar yang baharu dan mengubah kepercayaan atau pegangan. Kenyataan ini disokong oleh Ng dan Leicht [16], yang menyatakan kejayaan terhadap perubahan bergantung kepada perubahan guru dalam amalan, pengetahuan dan kepercayaan atau pegangan. Perubahan membawa sesuatu yang positif jika dilaksanakan dengan baik dan berkesan serta diterima secara positif. Dalam konteks perubahan kurikulum KV, pensyarah turut berubah dengan sentiasa mempertingkatkan kemahiran dalam bidang dan teknik pengajaran. Menurut Jamaludin [7], pensyarah yang mempunyai kemahiran pengetahuan dan kepakaran serta mampu menyampaikan pengajaran yang berkesan adalah pensyarah yang berkualiti.

Selain itu, KSKV yang sentiasa dikemas kini memastikan bahawa ia selari dengan perkembangan teknologi dalam industri. Kandungan kurikulum yang sentiasa dikemas kini dapat memajukan pendidikan vokasional dalam negara. Nasir [12] dalam kajiannya mendapati, kurikulum KV perlu sentiasa dikemas kini dan selari dengan keperluan industri supaya kurikulum yang dibangunkan ini tidak ketinggalan dengan perkembangan teknologi yang pesat. Bagi memastikan perkara ini, hubungan yang baik dengan pihak industri adalah perlu dan hal ini memberikan kebaikan kepada pihak KV dan juga industri. Oleh yang demikian, graduan KV yang dihasilkan akan lebih bersedia dan berkualiti memasuki pasaran kerja kerana mereka mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang terkini sejajar dengan keperluan industri. Menurut Nasir [12], tenaga kerja yang berkualiti adalah pekerja yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang pekerjaan. Kemahiran teknikal dan bukan teknikal yang terkini yang diperoleh oleh pelajar KV dapat meningkatkan kebolehpasaran pelajar untuk menembusi pasaran kerja di industri [17].

4. Kelemahan Perubahan Kurikulum KV

Terdapat beberapa kelemahan yang disebabkan oleh perubahan-perubahan yang mendasari KSKV. Menurut Moriarty et.al [18], perubahan dalam sistem pendidikan dan transformasi kurikulum semasa memberikan tekanan kerja pensyarah apabila pensyarah merasakan perubahan yang dibawa ini bertentangan dengan pemahaman pedagogi serta

nilai profesionalisme. Malahan dalam kajian oleh Arshad dan Mustapha [13] menyatakan tuntutan pihak pentadbir yang mengarahkan pensyarah untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran baru akan memberikan tekanan kepada pensyarah. Arshad dan Mustapha [13] turut menyatakan tenaga pengajar atau pensyarah KV berhadapan dengan peningkatan beban kerja dan berpotensi untuk mendapat tekanan kerja bagi memastikan pelaksanaan kurikulum kolej vokasional mencapai sasaran keberhasilan. Kenyataan ini disokong oleh Hasan [19], perubahan dasar dalam sektor pendidikan menjadi punca bertambahnya beban tugas yang ditanggung oleh pensyarah.

Perubahan-perubahan kurikulum yang berlaku menuntut pensyarah-pensyarah KV untuk bersedia dengan segala kesan dan akibat perubahan. Ini kerana pensyarah adalah ejen pelaksana perubahan kurikulum dan kejayaan sesuatu perubahan akan berjaya dilaksanakan apabila pensyarah berasa yakin dalam pelaksanaannya [3]. Menurut Azhar [3] lagi, pensyarah KV perlu mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam menghadapi dan melaksanakan perubahan dengan sokongan daripada pihak pentadbir. Jika pensyarah tidak bersedia dan tidak yakin untuk menerima perubahan, agak sukar untuk melihat keberkesanan perubahan yang dilaksanakan. Kajian oleh Ridzuan [20] menyatakan kesediaan terhadap satu kaedah yang baru adalah bergantung kepada sikap dan tahap pengetahuan seseorang pensyarah dan menurut Ab Hakim dan Iksan [21] menyatakan dengan menyusun pengetahuan yang dimiliki serta mampu disampaikan dalam pengajaran dan pembelajaran dapat membawa kepada kejayaan sesuatu kaedah atau pendekatan. Persoalannya, apakah tahap kesediaan pensyarah KV dalam menghadapi perubahan kurikulum ini?

Sesuatu perubahan kurikulum hendaklah dirancang, dibangunkan dan disampaikan dengan tersusun. Menurut Ridzuan [20], sesuatu perubahan perlu bersifat dinamik dan tidak boleh dilaksanakan secara drastik. Perubahan yang berlaku secara kerap menghadkan ruang masa buat pensyarah untuk mengadaptasi maklumat yang baharu. Hal ini disokong dengan kajian oleh Ismail [22], setiap orang mempunyai tempoh adaptasi yang berbeza terhadap perubahan walaupun keperluan terhadap perubahan itu diberi sepenuhnya.

5. Amalan Penambahbaikan Sedia Ada

Keperluan pensyarah dalam pengalaman bersama industri adalah amat penting bagi membantu pensyarah dalam penyampaian pengajaran yang lebih berkesan. Menurut Yusof et.al [6], pensyarah yang kurang pengalaman dalam bidang industri akan mengalami kesukaran dalam

penyampaian pengajaran terutamanya yang melibatkan kemahiran teknikal. Ahmad, Jalani dan Hasmori [4] berpendapat adalah menjadi suatu kelebihan kepada pensyarah yang mempunyai pengalaman bekerja dalam bidang. Oleh itu, sangkutan industri diperkenalkan kepada pensyarah KV bagi menyediakan pensyarah dengan pengalaman bekerja di industri. Kajian oleh Sukri [23] bersetuju bahawa program latihan sangkutan industri kepada pensyarah KV adalah perlu dalam memastikan pensyarah KV mengetahui keperluan dan kehendak industri semasa serta dapat memberi pengalaman dan pengetahuan untuk diaplikasikan dalam pengajaran.

Selain itu latihan dan kursus peningkatan kemahiran dapat memberi ruang dan peluang kepada pensyarah KV dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran teknikal serta vokasional. Bagi memastikan pelaksanaan kurikulum yang dibangunkan berjalan dengan lancar, pensyarah bidang teknik dan vokasional ini perlu menguasai kemahiran, kebolehan dan pengetahuan bagi melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi [24]. Oleh yang demikian, pensyarah KV perlu menjalani kursus *upskilling* dan *reskilling* bagi memantapkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada. Hal ini diakui oleh Abd Khalid [25], bahawa latihan *upskilling* dan *reskilling* adalah satu keperluan bagi tenaga kerja mahir.

Bagi institusi aliran teknik dan vokasional, seperti kolej vokasional, pengurusan kurikulum adalah di bawah Unit Pembangunan Kurikulum Vokasional (UPKV), Bahagian Pendidikan Latihan Teknik dan Vokasional (BPLTV). UPKV berfungsi sebagai pusat sehati yang merancang, membangun dan menyelaras kurikulum yang digunakan di kolej vokasional. Peranan UPKV sebagai pentadbir kurikulum dan akan membangunkan pasukan yang terdiri daripada pegawai dan juga pensyarah-pensyarah pakar yang dilantik sebagai jurulatih utama kurikulum. Penglibatan pensyarah pakar dari kalangan pensyarah KV adalah bertepatan bagi mendapatkan maklum balas pelaksanaan kurikulum serta refleksi awal bagi semakan kurikulum semasa.

6. Cadangan Penambahbaikan

Perjawatan pensyarah KV adalah pegawai perkhidmatan pendidikan sama seperti guru-guru di aliran perdana. Oleh itu tuntutan kerja bagi pensyarah KV adalah sama akan tetapi dengan tambahan di mana pensyarah KV perlu menguruskan proses dan dokumentasi bagi pengakreditasi dan pengiktirafan oleh badan-badan professional seperti MQA, MBOT dan JPK. Oleh itu adalah dicadangkan supaya beban

tugas pensyarah KV dikurangkan dengan menyediakan pegawai bagi mentadbir urusan pengakreditasi MQA dan MBOT serta pengiktirafan JPK.

Pensyarah KV adalah ejen pelaksana kurikulum, dan disebabkan itu sebarang perubahan kurikulum akan memberi kesan kepada mereka. Apabila perubahan kurikulum KV dijangka akan berlaku dengan lebih kerap bagi memastikan ia sejajar dengan perkembangan industri, adalah lebih baik pensyarah KV diberikan ruang dan masa untuk fokus kepada pelaksanaan perubahan kurikulum. Oleh yang demikian, bebanan tugas pensyarah KV harus dikaji dan dirombak agar pensyarah KV menjadi lebih produktif dan berkesan dalam menjalankan tugas hakiki. Hal ini menuntut sokongan pentadbir bagi menjayakan pelaksanaan perubahan bersama-sama dengan pensyarah. Arshad dan Mustapha [13] bersetuju bahawa keseimbangan dalam beban tugas pensyarah dan beban yang tidak terlalu berat akan meningkatkan kepuasan bekerja dan efikasi diri pensyarah kolej vokasional.

7. Kesimpulan

Konklusinya, perubahan sesuatu kurikulum adalah perlu bagi memastikan pelajar yang dilahirkan oleh sesebuah system atau institusi adalah relevan dengan masa kini. Apatah lagi bagi sistem kolej vokasional yang bermatlamat melahirkan pekerja mahir dalam bidang teknik dan vokasional diminta melahirkan pelajar yang berkemahiran tinggi mengikut arus kemajuan industri. Namun, sebagai ejen pelaksana perubahan kurikulum, pensyarah kolej vokasional mempunyai tanggungjawab yang berat dalam merealisasikan transformasi pendidikan ini. Banyak kajian mengenai tekanan yang dihadapi oleh pensyarah kolej vokasional telah dijalankan dan kebanyakannya merumuskan bahawa beban tugas yang tidak seimbang dan berat menjadi punca tekanan terhadap pensyarah KV dan memberi impak kepada pelaksanaan perubahan kurikulum. Oleh itu, amatlah dicadangkan kajian penilaian beban tugas yang optimum dan amalan pengurusan tugas yang terbaik dijalankan untuk memberi solusi kepada isu bebanan tugas ini.

8. Penghargaan

Para pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada Universiti Kebangsaan Malaysia yang menaja Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2021-013) untuk tujuan kajian ini.

5. Rujukan

- [1] OECD. "Structural policy challenges for Southeast Asian Countries, structural policy country notes Malaysia", *Southeast Asian Economic Outlook 2013: With Perspectives on China and India*, 1–19. 2013 <https://doi.org/http://dx.doi.org/10.1787/saeo-2014-en>
- [2] Alias H, Ismail A. "Pembangunan atribut keusahawanan dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional KPM: Sasaran dan strategi pelaksanaan", *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. 2021;8(3):18-37.
- [3] Azhar A.S.M. "Hubungan Kesiediaan Guru Vokasional Menghadapi Perubahan, Sokongan Pentadbir dan Komitmen Terhadap Organisasi", Master Tesis. Universiti Putra Malaysia. 2018.
- [4] Ahmad M.J., Jalani N.H., Hasmori A.A. "TEVT di Malaysia: Cabaran dan harapan", Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Awam; 2015.
- [5] Syahriza A., Azli A., Abdul Talib M.H., Mohd Rihduan M.J., & Mohd Firdaus M. K. "Aplikasi Teknik Nominal Group Technique (NGT) Terhadap Pembangunan Elemen Model Kurikulum Projek Tahun Akhir Kolej Vokasional Berasaskan Industri Pembinaan", *Jurnal Penyelidikan Dedikasi* 18(1): 104-118. 2021. (URL: <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jd/article/view/12380>)
- [6] Yusof M.H.M., Arsat M., Amin N.F., Latif A.A. "Issue and Challenge for Vocational Teaching Quality in the Vocational College Lecturers: A Systematic Review/Isu dan Cabaran Kualiti Penyampaian Pengajaran Bidang Vokasional dalam Kalangan Pensyarah Kolej Vokasional: Satu Ulasan Sistemik", *Sains Humanika*. 2020;12(2-2). (DOI: <https://doi.org/10.11113/sh.v12n2-2.1779>)
- [7] Jamaludin J. "Kesiediaan guru kolej vokasional dalam pengajaran amali teknologi elektronik di Negeri Pahang", *Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. 2014. (DOI: <http://eprints.uthm.edu.my/id/eprint/1521>)
- [8] Desjardins R, Rubenson K. "An analysis of skill mismatch using direct measures of skills", 2011. (DOI: <https://doi.org/10.1787/5kg3nh9h52g5-en>)
- [9] Tien E.C., Hamid H., Madar A.R. "Hubungan Antara Efikasi Kendiri, Beban Tugas dan Masalah Kesihatan Mental dalam Kalangan Pensyarah Kolej Vokasional: Relationship Between Self-Efficacy, Workload and Mental Health among Lecturers in Vocational Colleges", *Online Journal for TVET Practitioners*. 2022;7(1):1-7.
- [10] Raof SA, Musta'amal AH, Jamal NAS. "Analysis on the Readiness of Vocational College Lecturers to Implement OBE Approach," 2022. (DOI: <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v12-i1/12061>)
- [11] MQA, Agensi Kelayakan Malaysia. "Standard Pembangunan Program", 2016.
- [12] Nasir M. "Kerelevanan kurikulum standard Kolej Vokasional bidang teknologi kimpalan dengan kehendak sektor industri", *Universiti Pendidikan Sultan Idris*; 2017.
- [13] Arshad Z.M, Mustapha R. "Hubungan antara beban tugas dengan efikasi diri dan kepuasan kerja pensyarah di kolej

- vokasional”, *Sains Humanika*, 2017;9(1-5). (DOI: <https://doi.org/10.11113/sh.v9n1-5.1174>)
- [14] Abd Samad N, Ahmad TAT, Ismail A, Amiruddin MH, Nor SNFM. “Kerangka Pembelajaran Berasaskan Proses Kerja Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV) Diploma Vokasional Malaysia”, *Online Journal for TVET Practitioners*, 2017;2(2). (URL: <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/478>)
- [15] Fullan M. “Change theory as a force for school improvement”, Springer; 2007.
- [16] Ng C, Leicht A. “‘Struggles as engagement’ in teacher change: a longitudinal case study of a reading teacher’s changing practices”, *Teachers and Teaching*. 2019;25(4):453-68. (DOI: <https://doi.org/10.1080/13540602.2019.1625764>)
- [17] Othman NM, Hasan A. “Elemen Kesediaan Kerjaya ke Arah Kebolehpasaran Graduan Kolej Vokasional Bidang Hospitaliti di Malaysia Berdasarkan Keperluan Pensyarah”, *Journal of Management and Operation Research*. 2019
- [18] Moriarty V, Edmonds S, Blatchford P, Martin C. “Teaching young children: Perceived satisfaction and stress”, *Educational Research*. 2001; 43(1):33-46. (DOI: <https://doi.org/10.1080/00131880010021276>)
- [19] Hasan N.B.A. “Hubungan Antara Efikasi Kendiri, Estim Kendiri Dan Pengalaman Pengajaran Dengan Tekanan Kerja Pensyarah Di Kolej Vokasional”, Master Tesis, UPM. 2017
- [20] Ridzuan A.A.M. “Tahap Kesediaan Pensyarah Terhadap Penggunaan M-Pembelajaran dalam Sistem Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET)”, *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Social Sciences and Humanities*. 2020;5(1):173-89. (URL: <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/PMJSSH/article/view/11337>)
- [21] Hakim NA, Iksan Z, editors. “Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam mata pelajaran Sains”, *Kertas Prosiding dalam Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018) Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya*; 2018.
- [22] Ismail M.N. “Cabaran kepimpinan dalam pengurusan pembelajaran digital”, *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*. 2020 (JILID III). (URL: <https://myjms.mohe.gov.my/index.php/jrk/article/view/9184>)
- [23] Sukri N.M. “Tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan pembelajaran berasaskan kompetensi di kolej vokasional”, *Universiti Teknologi Malaysia*, 2013.
- [24] Abd Aziz A.Z.B. “Hubungan Kompetensi Tenaga Pengajar Kemahiran Vokasional Terhadap Kepuasan Bekerja”, 2020.
- [25] Abd Khalid N.B. “Keberkesanan Usaha-Usaha Promosi Kolej Komuniti Bukit Mertajam”, 2017